

Received: October 29th 2021 Accepted: December 20th 2021 Online Published: January 28th 2022

PEMERKASAAN AKIDAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ‘AH: KE ARAH PENGUATKUASAAN DAN PENYERAGAMAN STANDARD SIGHAH FATWA

Strengthening The Faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah Towards The Enforcement and Standardization of Sighah Fatwa Standards

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali*

Mohd Zaidi Daud**

ABSTRACT

The Fatwa Studies in Malaysia in 2004 has categorized the current fatwas into the fields of Shariah, Usuluddin and Society. The studies show that Usuluddin are the main focal point, especially on heretical teachings or sects. Muslims often need to confront many threats of faith either from individuals who have a specific agendas or gains popularity through the spread of heresy. The influence of the founders of this heresy are so widespread that it threatens the faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, which is the mainstream of this country. A fatwa on heresy was gazetted accordingly, in an effort to prevent the unruly teaching from spreading. Even so, most offenses are convicted for teaching without credentials, evident by the irregularities that is difficult to detail. Without denying the efforts from the

* Associate Prof, Department of Akidah & Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. ijamh@um.edu.my

** Senior Lecturer, Department of Syariah & Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. zaididaud@um.edu.my

gazetting of fatwas and the study of heresy, this paper outlines the need for enforcement and standardization of sighah fatwa by referring to existing sighah fatwas of heresy. This effort is expected to be able to bind and convict the offense of heresy and no longer only be just a punishment for lack of teaching credentials, but also to the declaration of withdrawal from Islamic teachings which customarily resulting in an avoidance from prosecution. The standardization of sighah fatwa in heresy is very important to be implemented in order to preserve the faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah and at the same time eradicate heresy permanently.

Keywords: *Faith, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Enforcement, Standardization, Sighah Fatwa*

PENDAHULUAN

Majoriti masyarakat Muslim dunia berpegang kepada mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (ASWJ) sama ada berjulur Asha'irah atau Maturidiyyah dalam aspek akidah. Kedua-dua jalur tersebut merupakan golongan arus perdana (*mainstream*) yang mewakili mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam dunia Islam. Dalam konteks rantau Nusantara dan Malaysia, khususnya di negeri Selangor, majoriti umat Muslim didapati berpegang kepada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* daripada aliran Asha'irah.¹ Walau bagaimanapun, perkembangan pemikiran semasa memperlihatkan wujudnya ancaman akidah dan lebih khusus mendakwa dan mengkritik aliran Asha'irah bukan tergolong sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dari aspek akidah.² Sementelah pula, lahirnya pelbagai ajaran sesat yang mendakwa sebagai ajaran

¹ Abdul Shukor Husin, *Ahli Sunnah Wal Jamaah: Pemahaman Semula*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 7-8.

² Maklumat lanjut berkaitan perihal ini, sila rujuk hasil penulisan Mohd Fauzi Hamat et.al, "Bidasan Terhadap Penolakan Asha'irah sebagai Ahli Sunnah wal Jama'ah", *Jurnal Al-Ummah*. (Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2019), 1-36.

akidah yang benar sehingga mengancam akidah umat Islam Malaysia. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dalam kajiannya 2004, merumuskan bahawa fatwa berhubung pengharaman ajaran sesat merupakan kategori fatwa yang kerap dikeluarkan dan diwartakan oleh hampir setiap Jabatan Mufti negeri.³

Sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh mana-mana jawatankuasa fatwa negeri atau kebangsaan, hanyalah menjelaskan kedudukan hukum sesuatu perkara dan ia tidak mengikat untuk diikuti melainkan setelah ia diwartakan yang mempunyai kuasa perundangan dan penguatkuasaan. Dalam erti kata yang lain, setiap umat Muslim adalah terikat dan perlu mentaati fatwa berkenaan⁴ sebagaimana contohnya yang diperuntukkan dalam Seksyen 49 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pun begitu, tidak kesemua masyarakat cakna mengenai perihal pewartaan sesuatu fatwa sekalipun telah dimuat naik ke laman web e-fatwa setiap jabatan mufti negeri. Tidak hairan, masih terdapat segelintir masyarakat yang mudah terpedaya dengan ajaran sesat menyebabkan ajaran sesat terus muncul dengan pelbagai nama yang mengujakan masyarakat awam sehingga mengancam kedudukan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan memperkasakan kedudukan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dengan mengemukakan hujah-hujah ilmiah daripada sumber primer dan sekunder yang berautoriti. Penulisan ini turut mengesyorkan penguatkuasaan dan penyeragaman standard sighah fatwa yang menjadi fokus utama dalam usaha pemerkasaan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dalam konteks Malaysia dan Selangor.

³ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah” dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, 2004), 193. Lihat juga Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia.” *Jurnal Syariah*, 2002, 10(1): 39-52.

⁴ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”, *Jurnal Syariah*, 2010, 18 (2): 247-276.

Akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*

Masyarakat Muslim Malaysia secara umumnya berpegang dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Namun realitinya umat Muslim Malaysia terus berhadapan dengan cabaran dalam pelestarian pengamalan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang dianuti secara tradisi. Ini terbukti dengan pembentangan kertas kerja yang bertajuk “Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia” yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 3/2020 pada 18 Ogos 2020/28 Zulhijjah 1441H. Sementelah pula, dalam Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia yang berlangsung pada 21 September 2020 sehingga 23 September 2020 telah memutuskan resolusi antaranya memasukkan istilah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dalam Perlembagaan Malaysia. Setiap negeri diusulkan memasukkannya dalam Undang-undang Perlembagaan Tubuh Negeri, dan Jawatankuasa Fatwa Negeri dengan pentafsiran secara rinci berhubung perihal tersebut.

Kita tidak menafikan bahawa *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* juga telah disebut secara khusus atau umum dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Antara negeri yang menyatakan secara khusus ialah Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan, dinyatakan bahawa: “Ahli Sunnah Wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abū Al-Hassan Al-Asha'rī dan Abū Mansūr Al-Māturīdī dan orang yang mengikut jejak langkah kedua-duanya”.⁵ Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 22 April 2015 mengambil maklum antaranya: (a) Umat Islam di Malaysia secara umumnya berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, akidah berasaskan mazhab Asha'riah dan al-Maturidiah dan fiqh berdasarkan mazhab Syafie. (b) Ajaran agama

⁵<https://www.kelantan.gov.my/index.php/component/content/category/97-link>; <http://www.esyariah.gov.my/> (capaian dibuat pada 15 Oktober 2021).

berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah ajaran yang sederhana atau (*wasatiyyah*).⁶

Manakala Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, sahabat dan ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan; (a) Akidah dan Tauhid berdasarkan pegangan Imam Abū Ḥasan al-Ash'arī dan Imam Abū Maṣṣūr al-Māturīdī. (b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan mazhab Shafii di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. (c) Tasawwuf, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.⁷ Begitu juga Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah pada 24 hingga 26 Mei 2016 bersetuju antaranya memutuskan umat Islam hendaklah berpegang dalam hal berkaitan dengan; (a) Akidah dan Tauhid, berdasarkan hanya kepada pegangan Imam Abū Ḥasan al-Ash'arī dan Imam Abū Maṣṣūr al-Māturīdī. (b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan Mazhab Syafi'i di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan pandangan Imam Muktabar yang lain. (c) Tasawwuf, berdasarkan manhaj Sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdādī dan Imam al-Ghazālī.⁸

Tuntasnya, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* merupakan aliran yang berakar umbi daripada ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW

⁶ Fatwa Johor. (2015). “Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam Malaysia”. Capaian di e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15888, 15 Oktober 2021.

⁷ <http://muftins.gov.my/category/penyelidikan/Capaian> pada 15 Oktober 2021.

⁸ e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3. Capaian pada 17 Oktober 2021. Lihat juga, Asmady Idris, Shahril Yusuf, Suraya Sintang dan Issraaq Ramli, “Dasar Kerajaan Negeri Sabah dalam Menangani Perkembangan Ajaran Sesat dalam Islam”, *Umran*, 2020, 7(1): 49-67.

dan para sahabat Baginda. Imam Abū Ḥasan al-Ash'arī dan Imam Abū Mansūr al-Māturīdī telah menyusun aliran tersebut secara tekal dan bersistem. Akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* disifatkan sebagai ajaran yang absah, lurus, selamat, jelas dan tiada kekeliruan dan berteraskan al-Qur'an dan Hadith. Antara ciri pegangan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ialah Pertama: berpegang dan mentafsirkan hukum-hakam Islam berdasarkan kepada sumber perundangan utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias tanpa menolak atau mengurangkan peranan salah satu daripadanya; Kedua: berpegang kepada ajaran Islam yang meliputi perkara mengenai akidah, syariah dan akhlak; Ketiga: berpegang kepada al-Quran yang dihimpunkan oleh para sahabat terutamanya al-Quran yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani dan berpegang kepada Hadith yang dihimpunkan oleh para imam utama seperti Imam Bukhārī, Imam Muslim, Imam Tirmīdhī, Imam Abū Dāud, Imam al-Nasā'ie, Imam Ibnu Mājah dan imam lain yang diiktiraf; Keempat: berkeyakinan bahawa para sahabat kesemuanya bersikap benar dan adil tanpa mengkufurkan salah seorang daripada mereka khususnya para khulafā' al-Rasyidin; Kelima: percaya dan beriman kepada perkara *sam'iyyat* khususnya yang sabit melalui al-Quran dan al-Sunnah; Keenam: tidak mengkufurkan saudara seMuslim atau yang berkiblatkan Kaabah (*ahl al-qiblah*) dengan mudah kecuali dengan pertimbangan ilmu atau hujjah yang kuat dan sikap yang adil; Ketujuh: kesederhanaan dalam kepercayaan dan pengamalan iaitu tidak terlalu ekstrem dan tidak terlalu cuai.

Pemakaian *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam Perlembagaan dan Enakmen Pentadbiran Islam Negeri-negeri

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Islam adalah agama Persekutuan namun agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.⁹ Bagaimanapun, timbul persoalan tentang definisi Islam yang termaktub dalam Perlembagaan. Adakah ia mengkhususkan kepada satu aliran mazhab sahaja? Atau

⁹ Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

menerima apa sahaja mazhab yang wujud dalam dunia Islam? Muhammed Imam¹⁰ berpendapat bahawa definisi Islam di Malaysia ialah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Ini bermakna Islam yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Persekutuan adalah Islam bermazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Kenyataan ini berautoritikan kepada perlembagaan kebanyakan negeri di Malaysia yang memasukkan perkataan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai mazhab rasmi dan definisi bagi Islam. Perlembagaan negeri seperti Kedah, Kelantan dan Perlis telah mengisyiharkan ‘Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai agama rasmi negeri dan Sultan juga mestilah bermazhab tersebut’. Johor telah memaktubkan agama Islam sebagai agama negeri beraliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dengan perincian sepertimana disebut di atas. Manakala Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu menyatakan ‘agama Islam; dianuti dan diamalkan sehingga akan datang.’ Perak meletakkan Islam bermazhab Shafie sebagai mazhab negeri. Sebagaimana yang diketahui, mazhab Shafie adalah pecahan dalam mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Peruntukan ini secara jelas menyatakan tentang mazhab yang diiktiraf dalam sistem perundangan Islam di Malaysia.¹¹

Apabila Perlembagaan Persekutuan tidak mendefinisikan Islam dalam Perkara 3, perlunya satu kaedah pentafsiran digariskan. Pentafsiran perlu merujuk kepada sebarang peruntukan dalam statut bertulis yang digubal menerusi kuasa Perlembagaan serta keputusan mahkamah di Malaysia. Kedudukan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dapat diteliti dalam statut di peringkat persekutuan dan negeri di Malaysia. Ini menunjukkan Islam yang diterima dan diiktiraf di Malaysia hanyalah berjalur *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dijadikan sebagai sumber rujukan nas atau

¹⁰ Mohammed Imam, ‘Freedom of religion under federal constitution of Malaysia - a reappraisal’ [1994] 2 CLJ lvii (Jun). 10 P

¹¹ Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti” *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 2011, 15: 31-42.

mazhab, kerangka dalam pentadbiran Islam, dan sebagai salah satu syarat dalam perlantikan jawatan berkaitan agama Islam.¹²

Bukti utama undang-undang Islam di Malaysia hanya mengiktiraf *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* adalah menerusi rujukan nas dan mazhab yang dinyatakan jelas dalam perundangan Islam di negeri-negeri di Malaysia. Seluruh Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri di Malaysia telah mentafsirkan istilah ‘Hukum Syarak’ dengan maksud ‘Undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf atau muktabar’, seperti yang diperuntukan dalam seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.¹³ Setiap negeri telah memasukkan peruntukan berkaitan dengan rujukan nas dan mazhab apabila sesuatu keputusan fatwa hendak dikeluarkan atau sebagai rujukan. Namun, peruntukan yang ada hanya untuk perkara fiqh iaitu dengan merujuk kepada *qaul muktamad* dalam mazhab Shafie. Sekiranya bercanggah dengan kepentingan awam, pandangan dalam mazhab muktabar yang lain iaitu mazhab Maliki, Hanbali dan Hanafi akan dirujuk. Jika Mufti atau Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satupun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti atau jawatankuasa fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijтиhad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat.¹⁴ Peruntukan sebegini terdapat dalam semua negeri melainkan Perlis. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Perlis, dalam memperakukan

¹² Ibid.

¹³ Akta 505. Lihat juga Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia, 34.

¹⁴ Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (2001) Terengganu, seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (1993) Wilayah-Wilayah Persekutuan, seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 41 Pentadbiran Undang-undang Islam (1991) Pahang. Negeri-negeri lain turut memperuntukan peruntukan yang sama dalam Enakmen Pentadbiran Islam negeri masing-masing. <http://www.esyariah.gov.my/>

fatwa dan memperakukan pendapat, jawatankuasa fatwa hendaklah mengikut al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W.¹⁵ Malahan, terdapat juga tafsiran ‘Hukum Syarak’ yang merujuk kepada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.¹⁶ Namun rujukan dalam perkara akidah tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana peruntukan di mana-mana negeri. Pun begitu, negeri Kelantan lebih terkehadapan berbanding negeri lain kerana menyatakan secara bertulis bahawa semua perkara akidah perlu mengikut *qaul muktabar* dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.¹⁷

Bagi menyelesaikan kekeliruan ini, perlu diketahui bahawa ‘Hukum Syarak’ merangkumi perkara akidah dan fiqh. Justeru, niat penggubal perundangan dapat diketahui daripada peruntukan sedia ada. Menurut peruntukan sedia ada berkenaan ‘rujukan nas’, mazhab yang diterima pakai ialah Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali. Kesemua mazhab ini adalah pecahan mazhab dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Justeru, mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* tetap terpakai dalam perkara akidah walaupun tidak dinyatakan secara terang sebagaimana Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 tentang rujukan nas dalam perkara akidah, begitu juga dengan Negeri Johor dan Sabah yang memutamadkan pentafsiran dalam aspek akidah merujuk kepada Asha’irah dan Maturidiyyah.

Selanjutnya, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membuat beberapa ketetapan yang berkaitan

¹⁵ Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis. <http://www.esyariah.gov.my/>

¹⁶ Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis. <http://www.esyariah.gov.my/>

¹⁷ Seksyen 37 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (1994) Kelantan. Lihat juga Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia, 34.

dengan keautoritian *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai mazhab yang diiktiraf, sebagaimana berikut:¹⁸

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dari segi akidah, syariah dan akhlak.
3. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlaq.
4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* adalah bercanggah dengan hukum syarak dan Undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* adalah diharamkan.

¹⁸E-Fatwa, Portal rasmi Fatwa Malaysia, Syiah Di Malaysia, (dalam talian) http://www.e_fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/ syiah-di-malaysia (dicapai pada 15 Oktober 2021).

Fatwa yang dikeluarkan ini benar-benar menggambarkan bahawa Islam yang diiktiraf di Malaysia adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sahaja dan selainnya perlu dikawal dan disekat, malahan setiap Muslim tertakluk kepada perundangan yang ditafsirkan menurut metodologi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Selain itu, fatwa ini juga secara jelas menggesa sekatan terhadap penyebaran apa-apa ajaran yang bertentangan dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* terhadap individu Muslim. Keautorian *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai mazhab ‘rasmi’ juga dapat dilihat dalam aspek perjawatan dalam organisasi agama Islam, sama ada badan kerajaan mahupun profesional. Negeri Perlis dan Johor adalah antara negeri yang mensyaratkan para peguam Syarie yang beramat di negerinya berakidah dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* menerusi seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991¹⁹ dan Kaedah 9, Kaedah-kaedah Peguam Syarie, 1982 (Johor PU1). Berbanding dengan negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan yang sekadar mensyaratkan beragama Islam. Malahan, Selangor tidak menyatakan sebarang syarat bersifat agama bagi peguam syarie.²⁰

Selain itu, perlantikan tujuh ahli Mahkamah Rayuan Syariah di negeri Perlis juga disyaratkan berpegang dengan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang dilantik oleh Raja Pemerintah.²¹ Negeri Kelantan juga menetapkan syarat untuk menjadi ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mestilah Muslim yang berakidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.²² Seterusnya, dalam seksyen 26 Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan)

¹⁹ Enakmen No. 5 (1991) Perlis. <http://www.esyariah.gov.my/>

²⁰ Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia, 34.

²¹ Seksyen 10, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (1991) Perlis. <http://www.esyariah.gov.my/>

²² Seksyen 14, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (1994) Kelantan. <http://www.esyariah.gov.my/>

(Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006²³ dinyatakan bahawa setiap guru yang telah diberikan tauliah kebenaran untuk mengajar agama terikat dengan syarat untuk tidak mengajar atau berdakwah apa-apa ajaran yang bertentangan dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Selain itu, para guru juga tidak dibenarkan menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang muktabar. Daripada dua perkara ini, jelaslah bahawa Dewan Undangan Negeri dan Parlimen mempunyai niat untuk mendefinisikan Islam sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Peruntukan statut ini menguatkan lagi bahawa mazhab dan ajaran selain *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* tidak diiktiraf oleh mana-mana perundangan bertulis Islam di Malaysia. Bagi mengukuhkan pernyataan ini, kedudukan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dalam kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah di Malaysia perlu dikemukakan sebagai hujah pengukuh.²⁴

Mahkamah Sivil dan Syariah turut mengiktiraf mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai asas dalam kerangka perundangan di Malaysia. Di mahkamah Syariah, mahkamah mengutamakan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai asas perundangan Islam dan pengamalan mazhab selain itu tidak mendapat tempat dalam forumnya.²⁵ Contohnya kes *Pendakwa v Abd. Talib bin Harun dan lain-lain*,²⁶ tertuduh telah dituduh menjalankan perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak, perkahwinan secara mut’ah, ajaran salah, menerima zakat dan fitrah tanpa tauliah sebagai amil dan bersekedudukan luar nikah. Tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 85, 153, 162 dan 165 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978. Bagaimanapun, tertuduh mengaku bahawa beliau adalah penganut fahaman dan ajaran Syiah Imamiah yang membenarkan perkahwinan

²³ Seksyen 26 Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006. PU(A) 074/2006. <http://www.esyariah.gov.my/>

²⁴ Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di Malaysia, 34.

²⁵ Ibid.

²⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. JH [1996/1417H] 150. <http://www.esyariah.gov.my/>

mut’ah. Daripada penghakiman kes ini, jelaslah bahawa undang-undang syarak yang ditegakkan di Malaysia adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Mana-mana pihak yang mendakwa menganut mazhab selainnya, adalah tertakluk kepada perundangan yang didaulatkan di Malaysia. Ini bermaksud, sekiranya perkahwinan itu dibuat di bawah hukum mazhab Syiah, ia tetap juga perlu didaftarkan di bawah undang-undang di Malaysia. Dalam kes ini, mahkamah menegaskan bahawa tindakan mahkamah yang membuat keputusan dan hukuman tidak harus difahami sebagai suatu tentangan terhadap mana-mana mazhab tertentu, tetapi adalah suatu tindakan terhadap segolongan individu Muslim yang melanggar peruntukan undang-undang syarak yang dikuatkuasakan di negeri ini.²⁷

Manakala di Mahkamah Sivil, perbicaraan tentang mazhab yang terpakai di Tanah Melayu, telah bermula semenjak tahun 1918. Ketika itu, hakim-hakim Inggeris sudah menyedari dan mengiktiraf mazhab yang digunakan di Tanah Melayu. Dalam kes *Saeda Binti Abubakar & Malek Bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamed Yusup & Usman Bin Haji Mohamed Yusup, Mahkamah Tinggi [Selangor]*²⁸ telah menolak hujah peguam pihak wasiat yang menggunakan kes-kes India yang penghakimannya berdasarkan mazhab Syiah. Mahkamah menolak autoriti kes *Banoo Begum v Mir Abed Ali*²⁹ memandangkan kes itu diputuskan mengikut mazhab Syiah. Mahkamah menyatakan bahawa kes ini boleh memberi kesan jika sekiranya pembuat wasiat dalam kes ini adalah seorang yang bermazhab Syiah, akan tetapi tidak ada kesannya kepada seorang Melayu yang bermazhab Shafie yang sebahagian daripada mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.

Jelaslah, bahawa Malaysia telah menjadikan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai dasar dan kerangka kepada

²⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. JH [1996/1417H] 150, h. 159-160. <http://www.esyariah.gov.my/>

²⁸ [1982] 1 LNS 60.

²⁹ ILR 32 Bom 172.

perundangan Islam. Islam yang dijadikan sebagai agama Persekutuan sebenarnya adalah Islam bermazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, sebagaimana diterangkan oleh statut-statut negeri.³⁰ Tegasnya, pendirian pihak berkuasa dan institusi Islam di Malaysia menetapkan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* sebagai pegangan rasmi bertujuan mengukuhkan perpaduan dan kestabilan Malaysia yang berpandukan kepada aliran yang sama dalam segala urusan hal ehwal agama. Oleh itu, sebarang usaha untuk membawa masuk fahaman yang berbeza daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan bertentangan dengan ‘uruf masyarakat Muslim Malaysia dianggap sebagai usaha untuk menggugat kestabilan dan keharmonian negara.

Maklumat Fatwa dan Pemerkasaan Akidah

Menurut penulisan Siti Zubaidah Ismail, terdapat beberapa peruntukan berkaitan kawalan elemen yang boleh menjurus kepada penyebaran ajaran yang menyeleweng, misalnya mengajar agama tanpa kebenaran dan mencetak buku agama tanpa kebenaran Sultan. Peruntukan berkenaan sama ada di bawah enakmen kesalahan jenayah mahupun enakmen pentadbiran undang-undang Islam setiap negeri.³¹ Sebagai contoh, dalam peruntukan Enakmen Jenayah (Negeri Selangor) 1995³² menegaskan dalam perkara kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti berikut (yang turut diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Negeri-negeri lain) Seksyen 4. Pemujaan salah, Seksyen 5. Mendakwa bukan orang Islam untuk mengelakkan Tindakan, Seksyen 6. Takfir, Seksyen 7. Doktrin palsu, Seksyen 8. Dakwaan palsu, Seksyen 9. Mempersendakan, dll., ayat Al-Quran dan Hadith, Seksyen 10. Menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll., agama Islam, Seksyen 11. Memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat, Seksyen 12. Menghina pihak berkuasa agama, Seksyen 13. Pendapat

³⁰ Ibid.

³¹ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”, 255.

³² Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, https://mail.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Enakmen_enakmen%20negeri%20Selangor/Enakmen%20Jenayah%20Syariah%20%28Negeri%20Selangor%29%20Tahun%20%201999 (Capaian 23 Oktober 2021).

yang bertentangan dengan fatwa, Seksyen 14. Mengajar tanpa tauliah, Seksyen 15. Mengingkari perintah Mahkamah dan Seksyen 16. Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Peruntukan-peruntukan tersebut jelas memperincikan segala bentuk kesalahan dalam perkara akidah. Pun begitu, pelaksanaan perihal tersebut merupakan cabaran utama dalam usaha memperkasakan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Namun begitu, pihak kerajaan Malaysia sentiasa berusaha memperkuatkannya sistem perundangan Islam dan penguatkuasaan undang-undang melalui pewartaan fatwa berkaitan ajaran sesat dalam usaha mengawal daripada merebaknya ajaran sesat dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang merupakan badan teras mengeluarkan fatwa di peringkat kebangsaan. Pihak kerajaan turut memperuntukkan kuasa penuh kepada setiap negeri untuk mengawal-selia segala isu yang berkait dengan hal-ehwal agama Islam dan adat istiadat. Setiap negeri memiliki enakmen khusus untuk melancarkan sistem pentadbiran undang-undang Islam yang diterajui oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah sepetimana misalan Enakmen Jenayah (Negeri Selangor) 1995 tersebut. Badan berautoriti ini sentiasa berusaha memelihara dan memberikan kefahaman kepada masyarakat Muslim berkaitan ajaran sesat, fahaman dan aliran yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Kerjasama padu antara MKI dan Majlis Agama Islam Negeri ini memperlihatkan kesungguhan negara membanteras ajaran sesat.

Justeru, pihak JAKIM dan Majlis Agama Negeri-negeri sentiasa bekerjasama membasmi dan mempastikan ajaran sesat dapat ditangani dengan bijaksana. Terdapat beberapa usaha bersepodu yang telah dilaksanakan dan memerlukan lagi pemerkasaan pelaksanaan iaitu; status ajaran sesat sama ada difatwa atau sebaliknya, pencegahan ajaran sesat melalui peruntukan undang-undang dan fatwa yang diwartakan dan pelestarian pemulihan akidah para pengikut ajaran sesat.³³ Hasil daripada usaha bersepodu ini, beberapa kejayaan dicapai dalam

³³ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”, 261.

membanteras ajaran dan diperlihatkan dari aspek pencapaian angka tangkapan pada tahun 2015 adalah sebanyak 75, tahun 2016 sebanyak 31 tangkapan telah dilakukan dan tahun 2017 sebanyak 246 tangkapan berjaya dibuat.³⁴ Selain usaha bersepada tersebut, pemerkasaan spiritual setiap Muslim wajar ditegaskan dan standard sighah fatwa turut perlu dilestarikan bagi menjamin pembasmian ajaran sesat.

Pemerkasaan akidah dan langkah ke arah penetapan standard sighah fatwa wajar ditegaskan kerana sekalipun terdapat banyak tangkapan dan segala usaha dilakukan dalam usaha membanteras ajaran sesat, pensabitan kesalahan lebih kepada mengajar tanpa tauliah yang menyukarkan pembuktian penyelewengan daripada ajaran Islam seperti dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Shuaib Montok*,³⁵ tertuduh disabitkan kesalahan mengajar tanpa tauliah sungguhpun diketahui tertuduh mengajar dan menyebarkan ajaran sesat. Ini kerana jenayah mengajar dan menyebarkan ajaran sesat sukar dibuktikan.³⁶ Pengumpulan bukti ini merupakan antara cabaran utama bagi mendapatkan infomasi pertama (*first hand information*). Kebanyakan kumpulan ajaran sesat ini bergerak secara rahsia dan cenderung melakukan aktiviti pada sebelah malam atau awal pagi dan di lokasi tertentu dan sukar dijejaki atau laluan yang amat terbatas bagi mengelakkan daripada diketahui masyarakat dan ditangkap pihak berkuasa. Ini menyumbang kepada kesukaran pengumpulan maklumat dan bukti kerana pegawai penguatkuasa agama bergantung kepada maklumat masyarakat, khususnya bekas pengikut yang telah kembali ke pangkuhan jalan dan sukarela menjadi pelapor atau pengadu.³⁷ Selain itu, terdapat usaha penyamaran bagi mendapatkan bukti segala aktiviti kumpulan ajaran sesat. Selain itu, pembuktian secara video, rakaman pengajaran ajaran sesat dan aktiviti yang dilakukan kumpulan sesat ini

³⁴ Tuan Muhamad Adnan, T. B. (2018).17 Ajaran Sesat Baharu Muncul Tahun Lalu. Sinar Harian. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/17-ajaran-sesat-baharu-muncul-tahun-lalu-1.781372> (Capaian 23 Oktober 2021).

³⁵ Kes Jenayah Syariah Bilangan 25/1988, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

³⁶ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah”, 195.

³⁷ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”, 265.

mengambil masa yang panjang dan terlalu banyak halangan dan cabaran yang menyumbang kesukaran pensabitan jenayah ajaran sesat.

Selain itu, terdapat pula para pengikut ajaran sesat yang berjaya ditangkap telah mengisyiharkan diri mereka sebagai murtad dan mengakibatkan pihak mahkamah tidak lagi mempunyai bidang kuasa ke atas orang yang kena tuduh seperti kes *Abdul Rahim Haji Baharudin vs Kadi Besar Kedah*.³⁸ Kes terbaru berlaku, dalam isu ajaran Qadiani; para pengikutnya telah mendakwa keluar daripada Islam dan mengakibatkan mereka bebas daripada pensabitan jenayah ajaran sesat dan berterusan bangga mengamalkan ajaran tersebut dan berterusan menghina agama Islam. Sehubungan itu, pewartaan dan penguatkuasaan fatwa wajar diperkasakan dalam usaha mengawal akidah umat Muslim terus diperkotak katikkan. Kita tidak menafikan terdapat beberapa kes ajaran sesat yang telah diharamkan melalui pewartaan dan penguatkuasaan fatwa berjaya dibanteras dan para pengamalnya turut diberi kesedaran dan pemulihan secara latih tubi di beberapa pusat pemulihan akidah seperti ajaran al-Arqam dan al-Ma’unah. Pun begitu, pengharaman ajaran sesat ini lebih dikaitkan dengan aspek keselamatan negara. Sebaliknya, ajaran sesat yang dilihat tidak menggugat keselamatan negara sekalipun telah diwartakan kurang ditikberatkan. Sekiranya ada pun, sekadar mensabitkan kesalahan mengajar tanpa tauliah dengan alasan kesukaran mengemukakan bukti.³⁹

Perihal ini memperlihatkan perlunya kesepaduan dan kerjasama erat daripada setiap anggota masyarakat, pihak berautoriti dan pihak berkuasa negeri. Bermula daripada aspek pewartaan sepertimana disebut; berkait rapat dengan keputusan pihak kerajaan sama ada hendak mewartakan sesuatu fatwa atau sebaliknya bergantung kepada faktor semasa dan kepentingan yang dipertimbangkan. Apabila sesebuah fatwa telah diwartakan, ia memberi implikasi kepada individu yang melanggar fatwa berkenaan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang seperti seksyen 12 Enakmen Jenayah

³⁸ [1983] 2MLJ 370.

³⁹ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah”, 196.

Syariah Selangor 1995 kerana tidak mematuhi fatwa.⁴⁰ Bagi mempastikan bahawa setiap individu memahami dan mengetahui kewujudan fatwa, setiap pihak berkuasa negeri wajar menyebarluaskan maklumat sama ada melalui media sosial, papan tanda (*billboard*), pamphlet, cetakan akhbar, cetakan siri penerangan fatwa dan sebagainya yang mudah diakses dan turut dipamerkan di masjid, perhentian rehat dan tempat awam.

Menyelusuri pemaknaan akidah yang sedia dimaklumi iaitu pemberian dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti dan jitu tanpa perasaan syak atau ragu sedikitpun; ternyata bahawa akidah yang sering dikaitkan dengan maksud keimanan yang sebenar merujuk kepada penanggapan dan pencapaian akal manusia mencecah tahap yakin, tanpa diselubungi unsur syak dan ragu terhadap kebenaran apa yang diimani, disusuli keakuratan hati dan kepatuhan kemahiran terhadap apa yang diimani yang terserlah menerusi ketundukan dan kepatuhan individu terhadap segala perintah dan arahan yang diterima dari Allah SWT, Tuhan yang diimaninya⁴¹ itu mendasari tiga elemen penting iaitu; pertama, wujudnya pegangan kukuh berasaskan keyakinan, kedua, wujudnya unsur ketundukan yang tulus dalam hati sanubari setiap insan terhadap apa yang diimaninya dan ketiga, wujudnya unsur cetusan atau rangsangan dalaman dalam diri individu tersebut untuk menterjemahkan seluruh prinsip keimanannya di alam realiti dengan berusaha untuk menyelaraskan seluruh aktiviti kehidupan hariannya bersendikan nilai keimanan tersebut. Atau dalam erti kata lain, setiap insan yang memiliki iman yang tulus dan terpasak jitu dalam kalbunya dapat melihat sesuatu perkara dari kacamata *al-din* dan menolak tegas sesuatu perkara yang bertentangan dengan prinsip keimanannya.⁴²

⁴⁰ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, <https://mail.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Enakmen-enakmen%20negeri%20Selangor/Enakmen%20Jenayah%20Syariah%20%28Negeri%20Selangor%29%20Tahun%20%20199> (Capaian 23 Oktober 2021).

⁴¹ Yūsuf Al-Qarādāwī, *al-Imān wa al-Hayāh*. cet. 13, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1987), 20

⁴² Sa'id Hawwa, *al-Asas fī al-Sunnah wa Fiqhuha: al-'Aqā'id al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dar al-Salam, 1989), 1:17; Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 105.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim berusaha segigihnya bagi memahami kehendak Allah SWT berdasarkan panduan wahyu, bimbingan para Rasul dan dalam beberapa perkara, setiap Muslim perlu berijtihad dalam mentafsirkan permasalahan semasa yang tidak dijelaskan secara terperinci dalam nas *qat'i*. Dalam proses ijihad ini pula, terdapat tiga prinsip asas Islam yang perlu dititikberatkan iaitu *tawhid*, *tazkiyyah* dan *'umran*. Bagi maksud perancangan sosial, tauhid sewajarnya dijadikan tiang utama yang dipasangkan dalam sesbuah komuniti didalam aturan sosial (*the principle of social order*).⁴³ Hasil daripada proses ijihad ini menatijahkan pemikiran Islam.⁴⁴ Bangsa yang berkualiti pula merupakan bangsa yang membawa makna, positif dan mampu bertahan menggalangi taufan sejarah. Pastinya juga merupakan bangsa yang bebas daripada jiwa perhambaan, penghinaan tetapi sebaliknya kaya dengan cita-cita dan daya usaha. Sehubungan itu, umat Muslim yang telah menjalani indoktrinasi tauhid pastinya umat yang telah bebas dari jiwa perhambaan dan menolak sebarang pengabdian selain daripada Allah SWT. Dinamika tauhid telah membuktikan penghakisan jiwa hamba yang membelenggu sahabat Nabi SAW iaitu Bilāl ibn Rabah, telah tampil hebat sebagai insan baru berjiwa merdeka dan sanggup menghadapi cabaran keimanan dan mempertahankan keyakinan tawhid yang telah mengangkat martabat keinsanannya.⁴⁵

⁴³ Taha Jabir Al-Alwani & Waleed Adel al-Ansary, , *Linking Ethics and Economics: The Role of Ijtihad in The Regulation and Correction of Capital Markets*, (Washington: Center for Muslim-Christian Understanding (CMCU) Georgetown University,1999), 4-5.

⁴⁴ Dinukilan daripada Mohd Fauzi Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini”, 17 yang menyatakan bahawa istilah Pemikiran Islam ditafsirkan sebagai semua hasilan pemikiran umat Islam, mencakupi pengetahuan berhubung dengan Allah, alam dan manusia; iaitu dalam bentuk ijihad akal manusia dalam mentafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam. Lihat Muhsin 'Abd al-Hamid, Dr. (1986), *al-Fikr al-Isldmi Taqwfmuh wa Tajdiduh*, (Baghdad: t.p, 1986), 7.

⁴⁵ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. “Islam Hadhari Dalam Konteks Ketamadunan Budaya dan Agama di Malaysia”, 1-20. Sila rujuk Muhammad al-Faqi., *Qisāṣ al-Anbiyā’ Ahdathuhā wa ‘Ibaruhā*. (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979), 112; Muhammad Isma'il Ibrahim (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā’ wa al-Rusul*, (Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1981). 40.

Pemerkasaan Fatwa dan Pelestarian Standard Sighah Fatwa

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali menyatakan bahawa asasnya, kebanyakkan sighah fatwa warta atau minit mesyuarat lebih berbentuk umum dan menyeluruh dalam mengharamkan satu-satu bentuk ajaran sesat sama ada berbentuk tasawuf, tarekat, penolakan sumber dan pengharaman buku.⁴⁶ Kebanyakkan sighah fatwa negeri menyebut pengharaman ajaran sesat kerana didapati kandungan ajaran dan fahamannya adalah bertentangan dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan syariah Islam, mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Muslim.⁴⁷ Perincian berkaitan asbab pengharaman ajaran sesat tidak dipaparkan dalam pewartaan fatwa atau minit mesyuarat. Pun begitu, pengharaman itu meliputi beberapa perkara berikut iaitu pengharaman buku yang berkaitan ajaran sesat; pengharaman ajaran dan amalan serta fahaman yang terdapat dalam buku ajaran sesat; pengharaman variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran sesat termasuk ideologi, falsafah, sistem dan amalan ajaran sesat. Ia termasuk segala bahan penerbitan yang dikeluarkan pengamal ajaran sesat, iklan tentangnya, pamphlet dan sebagainya yang berkaitan dengan risalah serta; dan pengharaman ahli satu-satu ajaran sesat termasuk mengembangkan atau menghidupkan ajaran sesat.

Perihal tersebut boleh dirujuk dalam pewartaan pengharaman ajaran al-Arqam sebagai contoh dalam fatwa warta negeri Johor⁴⁸ dan fatwa negeri berkaitan ajaran tersebut. Tiada penjelasan rinci berkaitan pengharaman ajaran tersebut termasuk amalan yang dikatakan menyeleweng daripada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Perkara ini hanya didapati melalui kertas kerja khas berkaitan isu tersebut.⁴⁹ Namun, terdapat beberapa buah negeri seperti Selangor dan Kelantan yang mengemukakan alasan pengharaman ajaran sesat dalam pewartaan fatwa. Antaranya seperti pengharaman ajaran Haji

⁴⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah”, 197-200.

⁴⁷ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah”, 197.

⁴⁸ Warta Negeri Johor No. J.P.U. 26 (18 Ogos 1994).

⁴⁹ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah”, 197.

Laksamana bin Omar⁵⁰ yang menegaskan dalam sighah fatwa berkaitan pengharaman ajaran tersebut kerana bertentangan dengan dasar akidah dan hukum Islam dan mengandungi kata-kata syirik, sesat, khurafat, kata-kata carut dan mereka-reka perkara yang bukan daripada ajaran sebenar agama Islam. Sekalipun penjelasannya ringkas, namun ia mengemukakan asbab pengharaman. Penjelasan yang hampir lengkap dikemukakan dalam pengharaman ajaran Awang Teh Selamat bin Kamal yang turut dikenali sebagai Teh Selamat yang mengemukakan bentuk kesesatan ajaran antaranya ialah:⁵¹

- (1) Ayat al-Qur'an dibuat sendiri oleh orang dan bukannya datang dari Allah
- (2) Sebenarnya haji adalah taat kepada Islam. Pergi ke Mekah itu jadi tok haji tipu kerana hendak bermegah-megah dengan wang ringgit semata-mata
- (3) Puasa bulan Ramadan ialah fikir, tidak payah berlapar, bahkan haram berlapar, kalau puasa berlapar bererti engkar
- (4) Zakat ialah bersyarah, yakni beritahu kepada orang, bukan dengan cara mengeluarkan padi beras dan pitis emas (wang ringgit).

Selain itu, dalam fatwa antihadis negeri Kedah telah memutuskan perihal berikut⁵²:

- (1) Pengharaman buku-buku antihadis seperti *God's Message to the World, the Computer Speaks* termasuk penyebaran, pemilikan, penterjemahan dan lain-lain
- (2) Meletakkan golongan antihadis sebagai murtad kerana menolak sumber hukum kedua selepas al-Qur'an.

Merujuk perkara tersebut, memperlihatkan bahawa minit mesyuarat memutuskan pengharaman golongan antihadis kerana

⁵⁰ Warta Negeri Kelantan No. 255 (3 Julai 1986).

⁵¹ Warta Negeri Kelantan No. 405 (6 Jun 1966).

⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Islam Negeri Kedah 18 Julai 1996.

menolak sumber dan perkara berkaitan pemilikan buku antihadis dan penyebarannya yang dibimbangi meningkatkan lagi jumlah golongan tersebut. Manakala dalam isu yang sama, fatwa negeri Pahang memutuskan pengharaman golongan antihadis kerana mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Fatwa tersebut turut mengemukakan risalah golongan antihadis menolak Hadith Rasulullah SAW sebagai sumber akidah dan perundangan Islam, bahkan mnghina Rasulullah, menghina al-Qur'an dengan mempertikaikan kesucian dan kesahihannya bahkan memesongkan pengertian yang sahih berkaitan al-Qur'an.⁵³

Selanjutnya dalam fatwa negeri Terengganu (turut merujuk Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986, seksyen 27 (1) menyebutkan bahawa dengan menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen tersebut telah mengisyiharkan buku-buku yang disenaraikan dalam warta berkenaan sebagai penerbitan haram (sebanyak 142 buah buku) tanpa penjelesan lanjut.⁵⁴ Perincian pengharaman 142 buah buku tersebut perlu merujuk kertas kerja pembentangan dalam mesyuarat fatwa negeri. Berbeza dengan negeri Selangor yang merupakan antara negeri yang mengemukakan perincian lengkap berkaitan sighah fatwa ajaran sesat yang merangkumi konsep ajaran sesat, ciri ajaran sesat, guru pengasas, amalan dan kepercayaan yang meliputi zikir, wirid yang menjadi praktikal ajaran dan fadilatnya; dan asbab pengharaman ajaran sesat.⁵⁵

Keanekaan sighah fatwa dalam perkara yang hampir sama atau sama berkaitan ajaran sesat di setiap negeri seperti perbincangan tersebut, memerlukan kepada usaha ke arah sighah fatwa yang selaras dan senada di setiap negeri. Ini dapat mengurangkan pengulangan sigah fatwa dalam satu-satu ajaran sesat yang hampir sama dan pewartaan satu-satu fatwa berkaitan ajaran sesat daripada dicabar di mahkamah. Pensabitan jenayah ajaran sesat tidak lagi hanya kerana ketiadaan

⁵³ Warta Negeri Pahang No. 720 (4 Julai 1996).

⁵⁴ Warta Negeri Terengganu No. 248 (10 Mac 1998).

⁵⁵ Sila rujuk Mazni Abdul Wahab, "Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989". *Disertasi Sarjana Syariah*. (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 157-226.

tauliah mengajar atau perisytiharan murtad yang membataskan kuasa mahkamah tetapi satu fakta yang mengikat dan boleh disabitkan kesalahan. Pemerkasaan fatwa sebagai perkara yang mengikat pelaku jenayah syariah juga memerlukan kebijaksanan hakim yang wajar cakna dan prihatin dengan setiap pewartaan ajaran sesat agar dapat menjatuhkan hukuman yang sewajarnya senada dengan pewartaan ajaran sesat. Para hakim perlu sentiasa dibekalkan maklumat jitu berkaitan ajaran sesat yang dibicarakan di mahkamah. Jalinan kerjasama jabatan mufti dan jabatan kehakiman syariah di setiap negeri perlu dipertingkatkan bagi mempastikan sabitan kesalahan jenayah pelaku ajaran sesat. Sekaligus memelihara kesucian akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* di negara ini.

Oleh itu, pentingnya penggubalan standard sighah fatwa di setiap negeri dilaksanakan bagi meletakkan jabatan mufti setiap negeri di aras yang sewajarnya sebagai pihak berkuasa negeri yang mengawal hal ehwal agama Islam dan adat istiadat di bawah naungan Sultan. Justeru, turut melestarikan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* selari dengan peruntukan enakmen setiap negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Pun begitu ia memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua pihak berautoriti khususnya bahagian undang-undang setiap negeri dan kerajaan dalam usaha penetapan standard sighah fatwa ajaran sesat yang bertujuan memelihara kesucian agama Islam dan penganutnya. Sekalipun ia pasti memakan masa bagi melestarikan penetapan standard sighah fatwa yang berupaya mengikat pelaku jenayah syariah berkaitan ajaran sesat yang merangkumi semua bentuk kesesatan; usaha yang baik ini wajar dimulakan. Pun begitu, ia tertakluk di bawah bidang kuasa negeri masing-masing memandangkan hal ehwal agama Islam adalah di bawah kuasa negeri.

Jabatan Mufti Negeri Selangor mulai mengorak langkah dalam usaha penyediaan standard sighah fatwa berkaitan ajaran sesat dalam usaha membanteras ajaran ini di negeri Selangor. Bahagian Undang-undang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah meneliti dokumen berkaitan dan mesyuarat pertama penyelarasian standard sighah fatwa ajaran sesat ini bersidang pada 25 Oktober 2021 yang dipengerusikan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Perbahasan tertumpu kepada

penyelarasan standard sighah fatwa ajaran sesat yang meliputi aspek metodologi, sumber dan rujukan muktabar yang berupaya mensabitkan pengasas, pelaku, dan apa-apa jua berkaitan ajaran sesat ini dan setiap pengamalnya dikembalikan ke jalan kebenaran. Selanjutnya, ajaran sesat berkaitan dapat dihapuskan melalui penguatkuasaan fatwa yang diwartakan dan tidak hanya semata-mata menjaga kestabilan politik dan keselamatan negara tetapi juga memperkasakan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang merupakan nadi utama setiap umat Muslim.⁵⁶

Cadangan mewujudkan *Template* sighah fatwa berkaitan ajaran sesat di negeri Selangor yang disediakan oleh Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor adalah seperti di bawah:

⁵⁶ Sila rujuk Lampiran A: Cadangan Mewujudkan Template Sighah Fatwa Berkaitan Ajaran Sesat di Selangor.

Pemerkasaan Akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*: Ke Arah Penguatkuasaan Dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa

BIL.	DAPATAN SEKTOR UNDANG-UNDANG MAIS	CADANGAN	JUSTIFIKASI								
1.	Perbezaan sighah yang menunjukkan bahawa sesuatu ajaran, fahaman, ideologi atau pegangan itu menyeleweng atau menyelar dengan agama Islam.	<p>Menyeragamkan sighah seperti berikut:</p> <p>Mengenal pasti sama ada sesuatu doktrin itu merupakan pegangan, fahaman, ajaran atau ideologi (merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka):</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Perkataan</th><th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Cadangan Penggunaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Pegangan/ fahaman</td><td>Sesuatu yang dijadikan pedoman (tiada elemen pengajaran atau penyebaran kepada orang lain)</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Ajaran</td><td>Segala yang diajar, nasihat, arahan (mempunyai elemen pengajaran kepada orang lain)</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Ideologi</td><td>Fahaman yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan.</td></tr> </tbody> </table> <p>(i) Menyatakan “pengasas” kepada fahaman/ ajaran/ ideologi yang hendak difatwakan itu.</p> <p>(ii) Menggunakan perkataan yang menjelaskan bahawa fahaman/ ajaran/ ideologi itu adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	Perkataan	Cadangan Penggunaan	Pegangan/ fahaman	Sesuatu yang dijadikan pedoman (tiada elemen pengajaran atau penyebaran kepada orang lain)	Ajaran	Segala yang diajar, nasihat, arahan (mempunyai elemen pengajaran kepada orang lain)	Ideologi	Fahaman yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan.	<p>Bagi memastikan penggunaan perkataan menepati maksud sebenar dan mengelak kekeliruan kepada masyarakat berhubung dengan sesuatu doktrin yang difatwakan.</p> <p>Bagi menjelaskan kepada masyarakat sumber kepada fahaman/ ajaran/ ideologi yang hendak diwartakan agar masyarakat lebih berhati-hati.</p> <p>Bagi memastikan tidak timbul pertikaian semasa penguatkuasaan/ pendakwaan di mahkamah bahawa fahaman/ ajaran/ ideologi yang yang diharangkan itu juga adalah berdasarkan ajaran Islam yang sebenar mengikut acuan pengasas atau kepercayaan pengasas. Ini kerana di Negeri</p>
Perkataan	Cadangan Penggunaan										
Pegangan/ fahaman	Sesuatu yang dijadikan pedoman (tiada elemen pengajaran atau penyebaran kepada orang lain)										
Ajaran	Segala yang diajar, nasihat, arahan (mempunyai elemen pengajaran kepada orang lain)										
Ideologi	Fahaman yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan.										

BIL.	DAPATAN SEKTOR UNDANG-UNDANG MAIS	CADANGAN	JUSTIFIKASI
			<p>Selangor, tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa ajaran Islam yang sebenar ialah ajaran Islam mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah.</p>
	(iv)	<p>Menjelaskan elemen-elemen dalam fahaman/ ajaran/ ideologi itu yang menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam. (Elemen ini hendaklah merujuk secara langsung kepada buku, rakaman, penulisan yang diambil secara terus daripada pengasas atau sesuatu bukti yang boleh diterima untuk dijadikan keterangan di mahkamah).</p>	<p>Bagi memastikan masyarakat maklum berhubung dengan setiap elemen yang menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam itu. Selain itu, jika berlaku permohonan semakan kehakiman terhadap datwa yang diwartakan, asas kepada pembuatan fatwa itu dapat dipastikan selaras dengan bukti atau dapatkan kajian serta telah memenuhi kehendak perundangan. Ini juga adalah sebagai langkah mitigasi bagi mengelak pertikaian perundangan disebabkan kegagalan pihak berkuasa awam mematuhi kehendak perundangan.</p>
	(v)	<p>Menyatakan bahawa apa-apa variasi, bentuk, cabang fahaman/ ajaran/ ideologi yang hendak difatwakan itu dan apa-apa fahaman/ ajaran/ ideologi yang mempunyai persamaan dengan semua atau sebahagian daripada elemen ajaran fahaman/ ajaran/ ideologi yang hendak difatwakan itu adalah juga disifatkan sebagai menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah.</p>	<p>Bagi memastikan mana-mana ajaran (yang belum diwartakan atau diputuskan sebagai menyeleweng) yang mengandungi elemen menyeleweng dan bercanggah daripada ajaran Islam yang sebenar boleh diambil tindakan penguatkuasaan di bawah peregangan 12(c) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana mengandungi elemen yang sama dengan fatwa ajaran</p>

Pemerkasaan Akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*: Ke Arah Penguatkuasaan Dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa

BIL.	DAPATAN SEKTOR UNDANG-UNDANG MAIS	CADANGAN	JUSTIFIKASI
			yang telah diwartakan sebagai menyeleweng tersebut.
		(vi) Menjelaskan bahawa orang Islam sama ada individu atau berkumpulan dilarang untuk membuat tindakan-tindakan yang boleh menyebabkan ajaran itu diamalkan, diajarkan, disebarluaskan atau dikembangkan kepada mana-mana orang.	Bagi memastikan tiada apa-apa tindakan boleh diambil oleh mana-mana orang untuk menyebabkan ajaran yang difatwakan itu diamalkan, diajarkan atau disebarluaskan.
		(vii) Menjelaskan bahawa kesan berpegang dan beramal dengan ajaran itu ialah seseorang itu perlu bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT.	Bagi memastikan orang yang telah berpegang dan beramal dengan ajaran tersebut memahami kesan daripada berpegang dan beramal dengan ajaran tersebut iaitu mereka perlu bertaubat.
		(viii) Sighah fatwa hendaklah tidak menyatakan bahawa mana-mana orang atau kumpulan orang atau mana-mana badan sebagai telah keluar daripada Islam.	Bagi memastikan tindakan penguatkuasaan masih boleh diambil terhadap orang, kumpulan atau badan itu di bawah undang-undang syariah yang digubal di Negeri Selangor. Bagi tujuan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, ia adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah menurut perenggan 61(3)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
2.	Seksyen 52 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menghendaki Jawatankuasa Fatwa untuk menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah	Menyemak dan memastikan pembuatan fatwa dibuat mengikut kehendak perundangan: (i) Fatwa yang menyentuh perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan seperti mana syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja hendaklah diterima pakai oleh Jawatankuasa Fatwa selaras dengan seksyen 52	Bagi memastikan pembuatan fatwa selaras dengan kehendak perundangan dan sebagai langkah mitigasi mengelak pertikaian perundangan disebabkan kegagalan pihak berkuasa awam mematuhi kehendak perundangan.

BIL.	DAPATAN SEKTOR UNDANG-UNDANG MAIS	CADANGAN	JUSTIFIKASI
	dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja bagi fatwa yang menyentuh perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal 2(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.	<p>Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. (Semakan perlu dibuat dalam kertas cadangan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa sama ada fatwa yang dicadangkan merujuk kepada syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah dipersejua oleh Majlis Raja-Raja atau sebaliknya.).</p> <p>(ii) Jika Jawatankuasa Fatwa mendapat fatwa yang dicadangkan itu berkaitan dengan kepentingan nasional, maka Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangan tentang fatwa dan mengemukakan perkara itu kepada MAIS untuk disyorkan kepada DYMM Sultan bagi merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Majlis Raja-Raja selaras dengan kehendak seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.</p>	
			Bagi memastikan pembuatan fatwa selaras dengan kehendak perundangan dan sebagai langkah mitigasi mengelak pertikaian perundangan disebabkan kegagalan pihak berkuasa awam mematuhi kehendak perundangan.

Apapun yang bakal berlaku, kita perlu optimis bahawa akidah Islam ini dapat terus diperkasakan melalui penguatkuasaan fatwa dan pelestarian standard sighah fatwa yang berupaya mengikat dan mensabitkan kesalahan jenayah syariah ajaran sesat.

PENUTUP

Dalam mendepani pelbagai cabaran semasa khususnya melibatkan akidah ummah, maka amat wajar usaha diambil oleh pihak berkuasa untuk menghalang ajaran sesat terus berleluasa. Maka, pemerkasaan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* amat penting sebagai satu benteng bagi umat Muslim agar terlindung daripada bahaya dakyah-dakyah negatif yang melibatkan soal akidah. Oleh itu, kerjasama dan keprihatian bersepada daripada semua pihak amat penting dalam

memperkasakan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* melalui penguatkuasaan fatwa, maklumat terperinci berkaitan pewartaan ajaran sesat, bahan berkaitan ajaran sesat dan pelestarian ke arah standard sighah fatwa ini diyakini dapat memberi harapan kepada pembentarasan ajaran sesat. Sekalipun cabaran itu wujud, pastinya cahaya di hujung terowong menanti. Peranan dan penglibatan aktif oleh institusi fatwa amat signifikan dalam usaha memperkasakan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dalam konteks pewartaan fatwa dan usaha ke arah standard sighah fatwa.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Husin, *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 1998.
- Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, 2004.
- Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia.” *Jurnal Syariah*, 2002, 10(1): 39-52.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (1993) Wilayah-Wilayah Persekutuan, seksyen 35. <http://www.esyariah.gov.my/>
- Al-Alwani, Taha Jabir & al-Ansary, Waleed Adel, *Linking Ethics and Economics: The Role of Ijtihad in The Regulation and Correction of Capital Markets*, Washington: Center for Muslim-Christian Understanding (CMCU) Georgetown University, 1999.
- Al-Qaradawi, Yusuf, Dr., *al-Iman wa al-Hayah*. cet. 13, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1987.
- Anhar Opir, “Analisis Fatwa Berkaitan Fahaman dan Pemikiran Agama”, Selangor: Jabatan Mufti Selangor. t.t.
- Asmady Idris, Shahril Yusuf, Suraya Sintang dan Issraaq Ramli, “Dasar Kerajaan Negeri Sabah dalam Menangani Perkembangan Ajaran Sesat dalam Islam”, *Umran*, 2020, 7(1): 49-67.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. *Kriteria dalam Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia, t.t.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad al-Adib Samsuri et. al, “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Deinisi Islam di

- Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti” *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 2011.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (2001) Terengganu, seksyen 39. <http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. JH [1996/1417H] 150.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995,
<https://mail.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Enakmen-enakmen%20negeri%20Selangor/Enakmen%20Jenayah%20Syariah%20%28Negeri%20Selangor%29%20Tahun%20%2020199>
(dicapai pada 23 Oktober 2021).
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (1994) Kelantan. <http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (1992) Perak.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (1991) Melaka.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syara’ (1991) Negeri Sembilan.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (1991) Perlis.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- E-Fatwa, Portal rasmi Fatwa Malaysia, Syiah Di Malaysia, (dalam talian) <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/syiah-dimalaysia> (dicapai pada 15 Oktober 2021).
- E-Fatwa, Portal rasmi Fatwa Negeri Selangor,
<https://www.muftiselangor.gov.my/perkhidmatan/fatwa-selangor>.
(dicapai pada 15 Oktober 2021).
- e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3. Capaian pada 17 Oktober 2021.
- Fatwa Johor. (2015). “Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam Malaysia”. Capaian di e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15888, 15 Oktober 2021.
- <https://www.kelantan.gov.my/index.php/component/content/category/97-link>, (capaian dibuat pada 15 Oktober 2021).

[ILR 32 Bom 172.](http://muftins.gov.my/category/penyelidikan/>.Capaian pada 15 Oktober 2021.</p></div><div data-bbox=)

[1983] 2MLJ 370.

[1982] 1 LNS 60.

Ibn Manzūr, Abū Fadhl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, Jil. 3, cet. 3, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, 2012.

Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006. PU(A) 074/2006.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah” dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, 2004.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. “Islam Hadhari Dalam Konteks Ketamadunan Budaya dan Agama di Malaysia”, *Jurnal Usuluddin*. 2004.

Kes Jenayah Syariah Bilangan 25/1988, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

Mazni Abdul Wahab, “Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989”. *Disertasi Sarjana Syariah*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Islam Negeri Kedah 18 Julai 1996.

Muhammad al-Faqi., *Qisas al-Anbiya’ Ahdathuhu wa ‘Ibaruha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979.

Muhammad Isma'il Ibrahim (1981), *Qisas al-Anbiya’ wa al-Rusul*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1981.

Muhsin 'Abd al-Hamld, Dr. (1986), *al-Fikr al-Isldmi Taqwfmuh wa Tajdiduh*, Baghdad: t.p, 1986.

Mohd Fauzi Hamat et.al, “Bidasan Terhadap Penolakan Asha’irah sebagai Ahli Sunnah wal Jama’ah”, *Jurnal Al-Ummah*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2019.

- Mohd Fauzi Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini”, *Jurnal Usuluddin*, 2002, 16:17
- Mohammed Imam, ‘Freedom of religion under federal constitution of Malaysia - a reappraisal’ [1994] 2 CLJ lvii (Jun). 10 P.
- Pentadbiran Undang-undang Islam (1991) Pahang.
<http://www.esyariah.gov.my/>
- Sa'id Hawwa, al-Asasfi al-Sunnah wa Fiqhuha: al-'Aqa'id al-Islamiyyah. Jil. 1, Kaherah: Dar al-Salam, 1989.
- Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”, *Jurnal Syariah*, 2010, 18 (2): 247-276.
- Tuan Muhamad Adnan, T. B. (2018).17 “Ajaran Sesat Baharu Muncul Tahun Lalu”. *Sinar Harian*.
<http://www.sinarharian.com.my/nasional/17-ajaran-sesat-baharu-muncul-tahun-lalu-1.781372> (Capaian 23 Oktober 2021).
- Unit Penyelidikan Akidah, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal-Ehwal Islam, *Fail-fail Ajaran Sesat/Salah*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1995.
- Warta Negeri Terengganu No. 248 (10 Mac 1998).
- Warta Negeri Pahang No. 720 (4 Julai 1996).
- Warta Negeri Johor No. J.P.U. 26 (18 Ogos 1994).
- Warta Negeri Kelantan No. 255 (3 Julai 1986).
- Warta Negeri Kelantan No. 405 (6 Jun 1966).
- Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.